

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 5/12/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Projek Hidro Mikro Manfaat Empat Kawasan Luar Bandar.

Projek hidro mikro manfaat empat kawasan luar bandar

KOTASAMARAHAN:Projek hidro mikro yang dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan (FK) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dijangka akan memberi kemudahan kepada penduduk di empat kawasan luar bandar di negeri ini.

Menurut Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan) FK Dr Hushairi Zen, projek tersebut kini masih di peringkat pembangunan di bawah seliaan Kumpulan Hidro Mikro fakulti itu.

“Empat kawasan pedalaman yang dibangunkan dengan projek hidro mikro ini ialah Semulong Ulu di Sri Aman, Bukit Assum (Padawan), Nanga Sengaih (Julau) dan Bario.

“Projek hidro mikro di Semulong sudah hampir siap manakala yang lain pula masih di peringkat kajian,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Minggu

Kejuruteraan di UNIMAS, semalam.

Beliau berkata, pihaknya masih belum dapat menetapkan tarikh projek pembangunan tersebut akan selesai kerana ia bergantung kepada kegunaan dan logistik tapak pembangunan.

“Tarikh selesai projek bagi keempat-empat kawasan belum diketahui secara fakta memandangkan ia bergantung kepada logistik serta kegunaan tapak pembangunan.

“Selain itu, kami perlu mendidik serta memperkasa penduduk di kawasan-kawasan terbabit tentang bagaimana sistem pembangunan ini berfungsi,” ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, pembangunan hidro mikro tersebut adalah bagi kegunaan asas seperti tenaga elektrik bagi lampu dan kipas, bukan untuk kegunaan tenaga berat

seperti penggunaan pendingin hawa.

Katanya, penduduk akan menikmati manfaat hasil daripada pembangunan hidro mikro di kawasan masing-masing.

“Kami memilih empat kawasan terbabit berdasarkan permintaan kemudahan tenaga elektrik daripada penduduk luar bandar bagi menggantikan penggunaan mesin penjana kuasa diesel.

“Ia menelan kos yang agak tinggi dan hanya berkemampuan untuk menyalurkan tenaga elektrik selama tiga hingga empat jam sahaja.

“Dengan membina sistem hidro mikro untuk kegunaan penduduk di situ, kami berharap agar ia boleh mengurangkan beban mereka dengan menyalurkan tenaga elektrik selama enam hingga lapan jam sehari,” katanya.